

22 OCT 2003

MAHATHIR-WTO/I

DR MAHATHIR KESAL DENGAN DOKTRIN PERDAGANGAN WTO YANG TIDAK ADIL

Oleh: Openg Onn

JOGJAKARTA, 22 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengulangi kekesalannya terhadap doktrin perdagangan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) yang tidak adil di mana perjanjian sepatutnya mengenai usaha mengurangkan halangan kepada perdagangan dan memastikan negara anggota tidak didiskriminasikan dalam urusan perdagangan mereka.

Malangnya, katanya, daripada membina asas pertanian dan perindustrian yang boleh menggantikan import, doktrin "perdagangan bebas" menuntut negara-negara menumpukan kepada "kelebihan berbanding" mereka, contohnya persaingan bebas antara barangan dan perkhidmatan antara penyedia tanpa mengambil kira saiz dan kekuatannya.

"Hasilnya adalah ia meningkatkan lagi kekayaan negara kaya dan menghapuskan perniagaan negara miskin," katanya dalam ucapannya di sini, pada Rabu, semasa menerima Anugerah Fellow Kehormat daripada Persekutuan Pertubuhan kejuruteraan ASEAN (AFEO).

Anugerah itu dikurniakan kepada Perdana Menteri bersempena dengan persidangan ke-21 persekutuan itu yang diadakan hari ini dan esok di bandar bersejarah Jogjakarta, di bahagian tengah Pulau Jawa.

Dr Mahathir yang ditemani oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, tiba di sini malam tadi dari Bangkok selepas menghadiri mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

Beliau berkata banyak negara anggota ASEAN juga anggota WTO tetapi malangnya tidak seperti perkumpulan serantau, yang mendapat panduan daripada prinsip asas kata sepakat dan saling menghormati, WTO dipengaruhi oleh negara-negara kaya.

Dalam perkumpulan ini, sesetengah negara tidak dapat menyuarakan pandangan mereka kerana bimbang menjadi mangsa kuasa besar, katanya.

Perdana Menteri berkata tiada harapan bagi negara miskin untuk menjadi negara industri kecuali membekalkan buruh murah kepada negara kaya dan meningkatkan pelaburan serta daya saing mereka.

Beliau menyamakan WTO dengan Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), yang kini dijadikan satu lagi instrumen untuk mengkayakan negara kaya dan memiskin negara miskin.

Beliau berkata, persidangan WTO di Cancun baru-baru ini dianggap oleh negara kaya sebagai satu kegagalan kerana agenda yang dirangka mereka tidak dipersetujui, tetapi bagi negara miskin ia bukan satu kegagalan.

"Buat pertama kalinya negara miskin berjaya menegakkan hak mereka. Kita boleh raikannya tetapi sekarang tekanan berada di atas kita untuk memaksa kita berpecah," katanya.

Beliau berkata negara anggota WTO yang miskin mungkin akan mendapat bayaran yang lebih baik dan malahan taraf kehidupan yang lebih baik, tetapi mereka akan sentiasa bekerja untuk orang lain terutamanya bekas penjajah mereka.

Negara-negara ini belum benar-benar merdeka sama ada dari segi politik mahupun ekonomi dengan pengalaman yang dilalui sepanjang krisis kewangan Asia masih lagi menghantui mereka, katanya.

Dr Mahathir juga berkata penganas ekonomi sama jahatnya dengan penganas lain dan mereka juga menyebabkan kemusnahan dan kematian walaupun tidak secara langsung dan kesan yang dirasakan adalah lebih lama.

Perdana Menteri berkata negara-negara miskin menjadi muflis dan terpaksa mengikut telunjuk negara asing, perniagaan menjadi bangkrap atau

terpaksa dijual biasanya kepada syarikat asing manakala bank dan industri mengalami keruntuhan.

"Sekiranya kerajaan cuba membantu, ia dipanggil usaha menyelamatkan. Kerajaan dituduh mengamalkan kroni. Kesemua tuduhan itu dilemparkan oleh orang yang di negara mereka sendiri mengamalkan langkah menyelamatkan syarikat apabila mereka berdepan dengan walaupun kegagalan kecil bagi bahagian syarikat dan dana mereka sendiri," katanya.

Ini termasuk dana lindung nilai yang memusnahkan ekonomi negara membangun dan malahan kerajaan menyelamatkan syarikat-syarikat di mana mereka mempunyai kepentingan peribadi, katanya. -- BERNAMA

OPP MR ZK